

DATE	16 / 9 / 2012	SECTION	National
PAGE	8	COLUMN	Semasa

Semua bakal haji perlu sentiasa jaga nama baik negara, pelihara tatasusila: Hamisa

TAWAU: Semua bakal haji khasnya dari daerah ini diminta supaya sentiasa menjaga nama baik negara dan memelihara tatasusila ketika menunaikan ibadah itu di Mekah.

Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Batu, Datuk Hamisa Samat, berkata jemaah haji negara perlu mengekalkan imej positif yang selama ini mendapat pujian pemerintah Arab Saudi.

Menurutnya, pujian yang diberikan pemerintah Arab Saudi, Raja Abdullah yang menyatakan jemaah haji negara merupakan jemaah yang paling baik berbanding negara lain perlu dikekalkan.

"Bakal haji yang akan menunaikan fardu haji kali ini perlu mengekalkan tradisi dan imej positif supaya tidak mencacatkan imej negara," katanya semasa berucap kepada 11 bakal haji di Surau Nurul Amin, Kampung Tanjung Batu Keramat Logpond.

Katanya, bakal-bakal haji diharap akan terus mengekalkan rekod baik yang dipegang selama ini

demi menjaga hubungan yang lebih akrab dengan negara Arab Saudi itu.

Menurut Hamisa, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang menyediakan kemudahan kepada rakyatnya menunaikan ibadah haji dan tiada negara lain mempunyai agensi pengurusan cekap terhadap jemaah hajinya sebagaimana Malaysia.

Jelasnya, jemaah haji dari Malaysia bukan sahaja diurus dengan baik dan tersusun, malah mendapat makanan dan rawatan kesihatan yang secukupnya daripada Tabung Haji.

Sementara itu katanya, jemaah haji yang bakal bertolak perlu sentiasa menjaga kesihatan demi memudahkan pelaksanaan ibadat itu kelak.

"Pelaksanaan ibadat haji memerlukan kekuatan jasmani atau fizikal yang baik dan memerlukan pergerakan yang banyak seperti mengerjakan tawaf, saie, melontar jamrah, jadi jemaah haji hendaklah sentiasa menjaga kesihatan," katanya. - **OLEH NAZRINI BADARUN** (nazrini@newsabahtimes.com.my)



HAMISA beramah mesra dengan penduduk kampung.

DATE	16 / 9 / 2012	SECTION	National
PAGE	8	COLUMN	semasa



KENANGAN Hamisa merakam gambar kenangan bersama 11 bakal haji di Surau Nurul Amin, Kampung Tanjung Batu Keramat Logpond.